

# SKIM PENCEN SEKTOR AWAM

Bahagian Pasca Perkhidmatan

25 September 2018



# Overview Skim Pencen Sektor Awam

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN



**MISI**

kepentingan kerajaan dan kebajikan pesara terpelihara



**VISI**

Kecemerlangan dalam pengurusan persaraan



**OBJEKTIF**

Pembayaran faedah persaraan dengan tepat

# PENERIMA DAN PERBELANJAAN PERSARAAN



# AKTA YANG BERKUATKUASA



**Akta Pencen 1980 (Akta 227)**

**Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)**





**Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45)**

**Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77)**





**Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237)**

# TANGGUNGJAWAB JPA DAN KWAP

JPA

1 November 2015

KWAP

| JPA | KWAP |
|---|---|
| Penggubalan Dasar Faedah Persaraan | Pengiraan Faedah Persaraan |
| Kelulusan Persaraan | Pembayaran Faedah Persaraan |
| PTB | Pengurusan Data, Sistem dan Rekod |
| Penetapan T&C Penswastaan | Pengurusan Unjuran Peruntukan |
| Pengurusan Pelanggan dan Stakeholders | Pengurusan Pelanggan |

# PENAMBAHBAIKAN SKIM PENCEN

**2012**

01 58 – 60 tahun

02 Pembayaran PS 55 tahun

03 RM720 – RM820

04 Pembayaran kes bankrup

05 PT: 12 ½ - 20 tahun

**2013**

01 Kenaikan 2%

**2015**

01 Pemberian KGT

**2016**

01 RM820 – RM950

**2018**

01 RM950 – RM1,000

02 Lebihan GCR sebagai CR

# KEBENARAN CR BAGI GCR MELEBIHI 150 HARI

**PUNCA KUASA**

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2017 (1 Jan 2018)

**SIAPA?**

Pegawai lantikan tetap berpencen & pegawai yang bersara wajib bagi skim KWSP

**GCR**

150 hari

**KELULUSAN**

Ketua Jabatan

**BILA?**

12 bulan dari tarikh persaraan

175 = 150 GCR + 25 CR

# OBJEKTIF SKIM PENCEN



- Pengiktirafan & penghargaan ke atas perkhidmatan cemerlang
- Jaminan saraan hidup setelah bersara
- Pemberian tambahan anggota bersara akibat kecederaan @ menghidap penyakit ketika bertugas rasmi @ meninggal dunia
- Saraan hidup kepada orang tanggungan pegawai yang telah meninggal dunia
- Ikatan ke atas anggota sektor awam








**Faedah persaraan BUKAN MERUPAKAN HAK MUTLAK seseorang anggota. Tiada anggota pun yang boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta Pencen.**

**(Seksyen 3(1), Akta 227 /Akta 239)**

# KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH PERSARAAN

- **01** Bersara atau dibersarakan dari jawatan.
- **02** Meninggal dunia- sekurang-kurangnya disahkan dalam perkhidmatan.

| | |
|---|---|
| 01 | Anggota Berpencen |
| 02 | Pegawai Tetap |
| 03 | Disahkan Jawatan |
| 04 | Tidak Memilih KWSP |
| 05 | > 3 Tahun Perkhidmatan |

# JENIS - JENIS PERSARAAN

Persaraan Paksa






Persaraan Pilihan

Persaraan Atas Kehendak Kerajaan / Menteri






Persaraan Kerana Penswastaan

# PERSARAAN PAKSA

**01 — Mencapai Umur 55/ 56/ 58/ 60**

Pada hari seseorang anggota mencapai umur 55/56/58/60 tahun mengikut opsyen umur bersara yang dipilih.

**02 — Atas Sebab Kesihatan**

Anggota yang kesihatannya tidak memuaskan boleh dibersarakan atas sebab kesihatan.

**03 — Atas Sebab Penghapusan Jawatan**

Jawatan yang disandangnya dihapuskan boleh dibersarakan dari perkhidmatan dan terus dibayar faedah persaraan.

**04 — Atas Sebab Penyusunan Semula Organisasi**

Penyusunan semula organisasi bagi maksud menghasilkan lebih kecekapan dan terus dibayar faedah persaraan.

**05 — Atas Sebab Kepentingan Awam**

Seseorang anggota telah ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam.

**06 — Memperoleh W\negara Asing @ Dilucutkan Warganegara**

Anggota yang dibersarakan atas sebab ini tidak akan dibayar faedah persaraan

**07 — Memberi Maklumat Palsu Untuk Pelantikan**

Jika terbukti memberi maklumat secara palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan

# PERSARAAN ATAS KEHENDAK KERAJAAN @ MENTERI

**Persaraan Atas Kepentingan Negara**

**01**

**Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan Negara pada mana-mana peringkat umur.**

**Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam**

**02**

**Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan awam pada mana-mana peringkat umur.**

# PERSARAAN PILIHAN

### Persaraan Pilihan

**01**

Mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun dan sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira.

# PENSWASTAAN

### Dilantik Untuk Berkhidmat Dalam Pertubuhan

**01**

berumur kurang daripada 45 tahun bagi perempuan atau 50 tahun bagi lelaki yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan.

# SYARAT PERSARAAN PILIHAN

- 01 Sah jawatan & PTB
- 02 Berumur 40 tahun
- 03 Berkhidmat 10 tahun
- 04 Sokongan KJ
- 05 Bebas Tapisan SPRM
- 06 Bebas Tindakan Tatatertib
- 07 Batal/Pinda? Sebelum Kuatkuasa
- 08 Bayar? 55 tahun*

# PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

- Telah Disahkan Dalam Jawatan
- Diputuskan oleh Lembaga Perubatan

**Keadaan yang boleh dihadapkan ke Lembaga Perubatan:**

1. Cuti sakit tahunan telah habis
2. Tiada harapan sembuh
3. Cuti 45 hari/tahun, 3 tahun berturut-turut
4. Kesihatan mental dan fizikal diragui
5. Penyakit kusta, tibi atau barah
6. Cedera semasa bertugas bukan disebabkan kecuaian

Can You Find The Hidden Tiger?



2

# Skim Pencen vs Skim KWSP



# REKABENTUK SKIM PERSARAAN

Skim Pencen



Skim KWSP





Faedah Tertaktif



Caruman Tertaktif

# ASAS PERUNDANGAN

| Akta Berkaitan | Skim Pencen | Skim KWSP |
|---|---|---|
| Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452) | | ✔ |
| Akta Pencen1980 (Akta 227) | ✔ | |
| Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239); | ✔ | |
| Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238). | ✔ | |

**NOTA** : Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa daripada semasa ke semasa.

# CARUMAN



12% dari emolumen



11% dari emolumen

**Skim Pencen**

- Berhenti apabila PTB
- Caruman pekerja boleh dikeluarkan
- Caruman Majikan Dikembalikan

**Skim KWSP**

- Sepanjang Perkhidmatan

# PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Diberikan oleh PBM setelah anggota **disahkan dalam jawatan sekarang** & berkhidmat sekurang-kurangnya **3 tahun**.

Tiada istilah bersara awal atau bersara pilihan.

Anggota tetap yang telah **disahkan dalam jawatan** disifatkan menjadi anggota berpencen apabila mati dalam perkhidmatan / bersara ASK / bersara sebab dilantik berkhidmat dalam pertubuhan walaupun belum genap **10 tahun** perkhidmatan yang boleh dimasukira

Tiada konsep "Pemberian Taraf Berpencen"




Taraf anggota berpencen melayakkan anggota diberi faedah persaraan

# FAEDAH PERSARAAN

**Jumlah caruman Kerajaan** (majikan) dan **caruman anggota** kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya boleh diberi kepada anggota mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa apabila cukup umur 55 tahun.



**Pencen (bulanan)** :
**1/600** x **bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira** x **gaji pokok akhir** (terhad kepada 3/5 daripada gaji akhir yang diterimanya)

**Ganjaran (sekaligus)**:
**7.5%** x **bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira** x **gaji pokok akhir**.

# FAEDAH TERBITAN

| | KWSP | PENCEN |
|---|---|---|
| Dalam Perkhidmatan | Jumlah caruman kepada KWSP berserta faedah ke atasnya boleh diberi kepada tanggungan anggota mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa | Pencen terbitan (bulanan) dan Ganjaran terbitan (sekaligus) diberi kepada ahli keluarga tanggungan yang layak. |
| Dalam Persaraan | Tiada apa-apa pemberian dibuat kepada mana-mana pihak. | Pencen terbitan (diberi kepada ahli keluarga tanggungan yang layak. |

# PENAMATAN TANPA PERSARAAN*

## Skim KWSP



Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, beserta faedah ke atasnya kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.



## Skim Pencen

Anggota **tidak** diberi apa-apa faedah persaraan. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya sebelum anggota memperolehi taraf berpencen, kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman KWSP semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

*Meletak Jawatan/Dibuang Kerja

# BANTUAN KEMATIAN/MENGURUS JENAZAH

Bantuan Kematian sebanyak RM2,500 kepada tanggungan anggota sekiranya anggota meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun; dan

Bantuan Mengurus Jenazah sebanyak RM3,000 kepada tanggungan anggota sekiranya meninggal dunia dalam persaraan.

KWSP

PENCEN

Bantuan Mengurus Jenazah sebanyak RM3,000 kepada tanggungan anggota sekiranya meninggal dunia dalam perkhidmatan **atau** persaraan.

# GANJARAN CUTI REHAT (GCR)

GCR dibayar kepada semua anggota sama ada yang memilih Skim KWSP atau pencen.

Syarat-syaratnya:

a. Bersara wajib mencapai umur persaraan;
b. Mati di dalam perkhidmatan





# FAEDAH PERUBATAN

**01** Kemudahan rawatan dan perubatan untuk pesara dan ahli keluarga tanggungan diperuntukkan di bawah Bab F Perintah Am Persekutuan 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.

**02** Kad pesara sebagai pengenalan diri untuk melayakkan pesara mendapat faedah perubatan percuma di institusi perubatan awam Kerajaan (iaitu hospital, klinik dan sebagainya) mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan atau institusi berkenaan dari semasa ke semasa.

**03** Tuntutan rawatan dan perubatan:

- Perkhidmatan Awam Persekutuan: KKM, JPA;
- Perkhidmatan Awam Negeri : Pihak Berkuasa Negeri
- Pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan; Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan

# FAEDAH-FAEDAH LAIN



**Elaun bersara/ elaun bersara terbitan** dan **ganjaran/ ganjaran terbitan** yang banyaknya sama dengan ¾ daripada pencen dan ganjaran yang lazimnya dibayar kepada seseorang pegawai berpencen, diberi kepada pegawai sementara yang bersara. bencana atau mendapat penyakit itu.

**Pencen hilang upaya** diberi sebagai tambahan kepada pemberian pencen jika anggota bersara akibat menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi atau kemalangan dalam perjalanan **atau** mendapat penyakit kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah.

**Pencen tanggungan** sebagai tambahan kepada pemberian pencen terbitan jika anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan akibat menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi atau kemalangan dalam perjalanan **atau** mendapat penyakit kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah, **dan** kematian berlaku dalam tempoh 7 tahun dari tarikh ia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu.



# Faedah-faedah Persaraan

3

# REKABENTUK SKIM PENCEN

**Pencen Yang Dibayar Kepada Pesara Kerajaan Merupakan Pencen Pekerjaan (*Occupational Pension* )**



**Tempoh Perkhidmatan Yang Boleh Diambilkira**

**Gaji Hakiki Yang Terakhir Diterima**

# PENENTUAN GAJI AKHIR YANG DITERIMA

**Gaji hakiki bulanan yang terakhir diterima**

**Bagi pegawai yang bersara sebelum disahkan dalam jawatan terakhirnya, gaji akhir yang digunapakai ialah dalam jawatan terdahulu dalam mana ia telah disahkan.**

# TAFSIRAN IMBUHAN

- Imbuhan Tetap Jawatan Utama (ITJU)
- Imbuhan Tetap Keraian
- Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)

# FAEDAH PERSARAAN

## Ganjaran Perkhidmatan

Bayaran yang dibuat setelah mengambilkira tempoh **perkhidmatan** anggota dalam **perkhidmatan** Kerajaan yang boleh dimasukira dan gaji akhir diterima oleh anggota di dalam **perkhidmatan** Kerajaan.

## Pencen Perkhidmatan

Peruntukan untuk menyediakan pendapatan kepada penjawat awam yang apabila mereka tidak lagi mendapat pendapatan tetap dari pekerjaan

## Ganjaran Cuti Rehat

Award wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan. Juga layak kepada Skim KWSP

## Kemudahan Perubatan

Rawatan perubatan mengikut kelayakan semasa berkhidmat

# FORMULA PENGIRAAN

| Formula | | | | | Jenis | No. |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7.5% | × | Tempoh Perkhidmatan (bulan) | × | Gaji Pokok Akhir | GANJARAN | 01 |
| 1/600 | × | Tempoh Perkhidmatan (bulan) | × | Gaji Pokok Akhir | PENCEN* | 02 |
| 1/30 | × | Tempoh Cuti Terkumpul | × | Gaji + Elaun Tetap | GCR | 03 |

*Terhad kepada 360 bulan

# CONTOH PENGIRAAN

**Tempoh Perkhidmatan**
320 bulan

**Gaji Pokok**
RM3,396.14

**Elaun Tetap**
RM418.00

**Jumlah GCR**
120 hari

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 7.5% | × | Tempoh Perkhidmatan (bulan) 320 | × | Gaji Pokok Akhir RM3,396.14 | **RM81,507.36** GANJARAN |
| 1/600 | × | Tempoh Perkhidmatan (bulan) 320 | × | Gaji Pokok Akhir RM3,396.14 | **RM1,811.27** PENCEN* |
| 1/30 | × | Tempoh Cuti Terkumpul 120 hari | × | Gaji + Imbuhan Tetap RM3,814.14 | **RM15,256.56** GCR |

# CONTOH PENGIRAAN

Tempoh Perkhidmatan
364 bulan

Gaji Pokok
RM3,396.14

Elaun Tetap
RM418.00

Jumlah GCR
120 hari

1/600 × Tempoh Perkhidmatan (bulan) 364 × Gaji Pokok Akhir RM3,396.14

RM2,060.32
PENCEN*

*Terhad kepada 360 bulan

3/5 gaji akhir × RM3,396.14 = RM2,037.68

# PEMOTONGAN PENCEN

01 Caruman KWSP Syer Kerajaan

02 Pinjaman Perumahan

03 Cukai Pendapatan

04 Hutang Kerajaan yang disenaraikan dalam Borang Akuan Berhutang/ Tidak Berhutang

05 Tuntutan Nafkah Atas Perintah Mahkamah

# CUKAI KE ATAS PENCEN

**Bayaran Ganjaran Dan Gantian Cuti Rehat (GCR) Tidak Dikenakan Cukai Pendapatan**

**Pencen yang dibayar kepada anggota yang bersara wajib pada umur 55/56/58/60 tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan**

**Manakala bayaran pencen yang diterima oleh pesara sebelum mencapai umur 55 tahun dikenakan cukai pendapatan**

# KEHILANGAN KELAYAKAN PENCEN

**Meletak Jawatan**







**Dibuang Kerja**

# PENCEN TERENDAH

| 2001 | 2009 | 2012 | 2016 | 2018 |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| RM180-RM280 | RM280-RM720 | RM720-RM850 | RM850-RM950 | RM950-RM1,000 |

- Untuk tempoh perkhidmatan yang lebih dari 25 tahun (300 bulan)
- Dasar ini turut terpakai kepada pegawai yang bersara akibat daripada penswastaan

# PENCEN MINIMUM







1/5 dari gaji akhir

**Bersara Atas Sebab Kesihatan**

**Bersara atas sebab Penswastaan Agensi Kerajaan**

**Meninggal dunia dalam perkhidmatan yang kurang dari 120 bulan atau 10 tahun**

# PENARIKAN, PENAHANAN & PENGURANGAN




Pemberian pencen dan ganjaran boleh ditarik balik, ditahan atau dikurangkan jika didapati pemberian itu adalah akibat daripada tidak mengetahui fakta-fakta matan yang sengaja disembunyikan yang boleh menyebabkan anggota itu dibuang kerja

# PENGGANTUNGAN PENCEN



Pembayaran pencen boleh digantung selama tempoh pesara dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam

# PEMBERHENTIAN PENCEN

**Dihukum Penjara/Mati**

**ElaunTanggungan boleh Dipertimbangkan**






**Memperolehi Kewarganegaraan lain**

***berkuatkuasa ke atas anggota lantikan pada/selepas 16.5.1986***

# KES MAHKAMAH @ TATATERTIB



















**01** Jika kes Mahkamah atau tindakan tatatertib yang masih belum selesai ketika mencapai umur 55/56/58/60 tahun:

- yang mungkin berkeputusan pegawai itu disabitkan; atau
- dibuang kerja;

(perkhidmatan pegawai itu dianggap sebagai dilanjutkan atas <u>cuti tanpa gaji</u>)

**02** Jika Pihak Mahkamah atau Lembaga Tatatertib berkeputusan pegawai itu tidak disabitkan atau dibuang kerja, maka ia hendaklah bersara pada umur 55/56/58/60 tahun dan dibayar faedah persaraan dengan menolak tempoh cuti tanpa gaji itu.

# FAEDAH LAIN DALAM KEADAAN TERTENTU

**Pencen Hilang Upaya**





**Pencen Tanggungan**

**Pencen Terbitan**





**Ganjaran Terbitan**

# PENCEN HILANG UPAYA



**Sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya boleh diberi kepada pegawai yang dikehendaki bersara akibat daripada :**

**01** Menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi @ kemalangan dalam perjalanan

**02** Mendapat penyakit kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah

Dengan syarat bencana/penyakit itu bukan berpunca dari kecuaian atau salahlaku pegawai itu

# KADAR PENCEN HILANG UPAYA




| 1/8 | 1/4 | 3/8 | 1/2 |
|---|---|---|---|
| Tercacat sedikit | Tercacat | Tercacat pada Matan | Musnah sama sekali |

*daripada gaji akhir

# PENCEN TANGGUNGAN



Sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan ganjaran terbitan kepada orang-orang tanggungan:

**01** Pegawai meninggal dunia akibat menanggung bencana/penyakit daripada menjalankan tugas

**02** Kematian berlaku dalam tempoh 7 tahun dari tarikh menanggung bencana/penyakit

# KAD PESARA







**01** Dikeluarkan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA kepada pesara/penerima pencen sebagai ganti Surat Jaminan (GL)

**02** Dokumen pengenalan pesara yang amat penting kerana terdapat keistimewaan tersendiri (bekas anggota kerajaan) pengganti Surat Jaminan (GL) penjawat awam

**03** Ubat Percuma, Caj Hospital dan Wad di Hospital Kerajaan yang dikenakan – minima bersamaan gaji akhir pesara (kelayakan wad)

**04** Boleh digunakan sebagai Diskaun Kad – dipasaraya atau kedai-kedai yang tertakluk atas penetapan oleh KPDNHEP

# KAEDAH PEMBAYARAN PENCEN

**Amaun pencen akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima pencen melalui dua kaedah / skim iaitu:**

## SKIM A

**Pencen akan dikreditkan terus ke dalam bank setiap bulan**

**Untuk pesara yang mempunyai pasangan yang dikahwini sebelum penswastaan serta masih hidup**

**Akaun bank perseorangan (akaun simpanan / akaun semasa)**

## SKIM B

**Akaun bank perseorangan (akaun simpanan / akaun semasa)**

i. **Pesara bujang, duda/balu, atau mempunyai pasangan yang dikahwini selepas penswastaan**

ii. **Penerima pencen terbitan / tanggungan**

**Penerima pencen perlu pergi sendiri ke bank setiap bulan. Jika tidak dituntut selama 6 bulan, pencen akan dihentikan**

# KAEDAH PEMBAYARAN PENCEN

SKIM A ← SKIM B

**Perlu melantik seorang wakil**

**Tanggungjawab wakil:**

- Memaklumkan Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA (dalam masa 7 hari) apabila pesara / penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan pencen;
- Membayar semula pencen terlebih bayar jika gagal memaklumkan bahagian Pasca Perkhidmatan JPA dalam tempoh ditetapkan

**Syarat untuk menjadi wakil Skim A:**

- Umur 21 tahun dan ke atas
- Warganegara Malaysia
- Bermastautin di Malaysia

# 4

# Faedah Terbitan



# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

| 01 | 02 | 03 | 04 | 05 | 06 |
|---|---|---|---|---|---|
| Seksyen 4(1) Akta 227/239 | Seksyen 4(1) Akta 227/23 | Seksyen 4(2) Akta 227/239 | Seksyen 18, Akta 227/ Seksyen 20 Akta 239 | Seksyen 4(1) Akta 227/239 | PP 2/1993, PP 14/1993 & PP3/2010 |
| GANJARAN TERBITAN (Sekaligus) | PENCEN TERBITAN (Bulanan) | GANTIAN CUTI REHAT (GCR) (Sekaligus) | PENCEN TANGGUNGAN (Bulanan) | EX-GRATIA TERBITAN (Sekaligus) | BANTUAN MENGURUS JENAZAH (Sekaligus) |

# BAYARAN MENGURUS JENAZAH











01

- **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1993**
- **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14/1993**
- **Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2010**

02

**Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah : RM3,000**

03

**Kematian dalam PERKHIDMATAN: Diuruskan & dibayar oleh Jabatan**
**Kematian selepas PERSARAAN : Diuruskan & dibayar oleh JPA**

# GANJARAN TERBITAN



**"Pemberian faedah yang dibayar SEKALIGUS kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan atau wakil yang yang sah di sisi undang-undang"**

**GANJARAN TERBITAN**

**7.5% × Tempoh Perkhidmatan (bulan) × Gaji Pokok Akhir**

# Siapa yang layak terima Ganjaran Terbitan?

Jika ketiadaaan penerima di atas, Ganjaran Terbitan boleh diberi kepada wakil yang sah di sisi undang-undang



Ibu Bapa Tanggungan

1/10

Balu/Duda & Anak

9/10 @ 10/10

# Jika Pegawai Tersebut Masih Bujang?



Orang Tanggungan yang layak menerima Ganjaran Terbitan **bagi pegawai bujang** ialah **IBU ATAU BAPA TANGGUNGAN**

Jika jumlah amaun KWSP iaitu Syer Kerajaan dan Syer Pekerja **MELEBIHI** jumlah Ganjaran Terbitan, maka waris hendaklah menuntut caruman KWSP (tiada Ganjaran Terbitan dibayar)

# PENCEN TERBITAN



**"Pencen BULANAN yang terbit disebabkan oleh kematian angota/ pesara sektor awam, dibayar kepada orang-orang tanggungan anggota/ pesara seperti mana yang diperuntukkan oleh Undang-Undang pencen berkenaan"**

## GANJARAN TERBITAN

**1\600 ✕ Tempoh Perkhidmatan (bulan) ✕ Gaji Pokok Akhir**

# Siapa yang layak terima Pencen Terbitan?



BALU / DUDA

ANAK



# Siapakah Balu/Duda?

**“balu” atau “duda” ertinya isteri atau suami yang masih hidup kepada seseorang pegawai yang mati yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat atau kelaziman.**

Peraturan 2, Peraturan-peraturan Pencen 1980



# 1,240 kahwin di luar negara

ABDUL RAHIM | 05 November 2015 12:50 AM

Share 53 Tweet 6 Google + 0

**KOTA BHARU 4 Nov. – Sebanyak 1,240 kes pasangan berkahwin di luar negara telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Kelantan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.**


Mohd. Nassuruddin Daud

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau negeri, **Datuk Mohd. Nassuruddin Daud** berkata, daripada jumlah itu, 206 kes masih dalam perbicaraan.

Menurut beliau, pihaknya telah mengenal pasti beberapa faktor yang mendorong pasangan memilih berkahwin di negara luar seperti di Thailand.

"Antaranya keengganan wali mengizinkan anak perempuannya berkahwin dengan pasangan kerana sudah mempunyai calon pilihan.

"Sebilangan besar lagi berkahwin di luar kerana mahu berpoligami, sama ada pihak perempuan dalam proses pernikahan itu adalah isteri kedua atau ketiga atau empat," katanya.

Beliau menjawab soalan **Mohd. Nazlan Mohamed Hasbullah (Pas-Limbongan)** dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, di sini hari ini.

Mohd. Nassuruddin dalam pada itu turut mengakui, belanja kahwin tinggi yang diminta pihak perempuan turut menjadi punca pasangan lari dan bernikah di negara lain.

"Selain itu, rata-rata perkahwinan luar negara tanpa prosedur betul didapati berlaku kerana pasangan mempelai mahu merahsiakan perkahwinan mereka.

"Nak tambah isteri berani tetapi tidak cukup berani nak beritahu isteri tua," katanya.

# Takrifan Anak?



anak seorang pegawai/pesara yang meninggal



berumur di bawah

21 tahun



masih belum berkahwin

## Termasuk

01 Anak kandung

02 Anak yang lahir selepas kematian pegawai

03 Anak Tiri Tanggungan

04 Anak Tak Sah Taraf

05 Anak Angkat

06 Anak Cacat

# Takrifan Anak Angkat?

1. di bawah mana-mana UNDANG-UNDANG BERTULIS berhubung dengan pengangkatan tersebut; atau
2. di bawah mana-mana ADAT atau KELAZIMAN_dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan tersebut





# Takrifan Anak Cacat?

01 Tidak kira apa jua umurnya;

- cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal
- tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri; dan
- kecacatan sebelum mencapai umur 21 tahun

02 Pencen dibayar seumur hidup

# Pencen Terbitan Tamat Apabila....



**Anak Berkahwin**
**Atau Mencapai Umur 21 Tahun**
**Mana Yang Terdahulu**

**Anak Belajar Di Pusat Pendidikan Tinggi (Menuju Ijazah Pertama) Apabila Tamat Belajar**
**Atau Berkahwin**



# Pencen Terbitan & Ganjaran Terbitan kena Faraid tak?



**MUZAKARAH J/KUASA MAJLIS FATWA KALI KE 21 (12 SEPTEMBER 1988)**

"Bersetuju : Bahawa Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka faedahnya tidak tertakluk kepada pembahagian harta pusaka."

# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER



# PEMBAHAGIAN SYER DAN PENGIRAAN



# CONTOH:Jika gemulah meninggalkan seorang balu dan 2 orang anak

2

1 1

4

**Amaun Pencen = RM1000.00**

**2/4 X RM1000.00 = RM500.00**

**1/4 X RM1000.00 = RM250.00**

**1/4 X RM1000.00 = RM250.00**

# Rezeki lebih dari satu?







2

2

# CONTOH:Jika gemulah meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak



## Amaun Pencen = RM1000.00

9




➡ **4/9 syer**

= 4/9 X RM1000.00
= RM444.44




➡ **5/9 syer**

= 5/9 X RM1000.00
= RM555.55

**4/9 X RM1000.00**
**= RM444.44**

2 — 1
= 2/9 X RM1000.00
= RM222.22

1
= 1/9 X RM1000.00
= RM111.11

1
= 1/9 X RM1000.00
= RM111.11

**5/9 X RM1000.00**
**= RM555.55**

2 — 2
= 2/9 X RM1000.00
= RM222.22

1
= 1/9 X RM1000.00
= RM111.11

1
= 1/9 X RM1000.00
= RM111.11

1
= 1/9 X RM1000.00
= RM111.11

# PERKAHWINAN DALAM PERKHIDMATAN VS PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN

Perkahwinan Dalam Perkhidmatan



Perkahwinan Dalam Persaraan





Faedah terbitan tanpa had waktu



Faedah terbitan 20 tahun sahaja

# PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN

## CONTOH 1: Kematian dalam tempoh 20 tahun selepas persaraan

**Bersara Jun 1995**

**Kahwin Disember 1995**

**Kematian Januari 1998**

**Jun 2015**

Tanggungan (balu dan anak) akan menerima pencen terbitan untuk baki tempoh 20 tahun

Pencen terbitan dihentikan

**20 tahun**

# PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN

## CONTOH 2: Kematian melangkaui tempoh 20 tahun selepas persaraan



# PENCEN TANGGUNGAN

**Sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan ganjaran terbitan kepada orang tanggungan seseorang pegawai, pencen tanggungan boleh dipertimbangkan jika mengikut ketetapan syarat-syarat berikut:**

(a) Pegawai itu meninggal dunia dalam hal keadaan seperti berikut;

I. **Kemalangan dalam perjalanan**; atau
II. Mendapat **bencana semasa melaksanakan tugas rasminya**; atau
III. Mendapat **penyakit kerana menjalankan tugasnya.**

(b) Kematian itu berlaku dalam **tempoh tujuh tahun** dari tarikh dia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu.

Dengan syarat bencana yang menimpa kemalangan yang berlaku, atau penyakit yang dihidapi **tidak berpunca daripada kecuaian atau salah laku anggota itu Dan tidak menjadi semakin teruk oleh kerana kecuaian atau salah lakunya**.



# Siapa Yang Layak Terima Pencen Tanggungan?

**01** **Balu**

**02** **Duda** dalam tanggungan iaitu **duda yang mengalami cacat otak** atau **hilang upaya menanggung diri sendiri**

**03** **Anak**, **terhad kepada enam orang** sahaja dikira dari yang tertua sekali; dan

**04** **Ibu atau bapa** (jika ibu telah meninggal dunia) yang bergantung sepenuhnya atau sebahagian besar nafkah kepada gemulah

# Formula Pengiraan Pencen Tanggungan

| Balu | Anak | Ibu Bapa |
| --- | --- | --- |
| 1/6 | 1/48 | 1/12 |
| Tiada | 1/24 | 1/6 |
| 1/6 | Tiada | 1/12 |
| Tiada | Tiada | 1/6 |
| Tiada | 1/24 | Tiada |

**(Daripada Gaji Akhir)**

**"Pencen tanggungan yang diberikan kepada balu akan terhenti apabila balu tersebut berkahwin semula"**



5

# ISU DAN MITOS BERKAITAN PENCEN

01

# Cuepacs minta kerajaan pertimbang umur bersara daripada 60 kepada 62 tahun

Bernama | Mac 07, 2015 17:52 MYT



Cuepacs meminta kerajaan supaya membuat pertimbangan bagi melanjutkan umur persaraan penjawat awam daripada 60 tahun kepada 62 tahun. - Gambar fail

# “KAMI NAK PENCEN UMUR 62 TAHUN”

# ADEGAN YANG MUNGKIN DISAKSIKAN









# UMUR PERSARAAN NEGARA LUAR

## Negara-Negara Maju

| BIL. | NEGARA | UMUR BERSARA WAJIB | |
|---|---|---|---|
| | | LELAKI | WANITA |
| 1. | Kanada | 65 | 65 |
| 2. | Jepun | 65 | 65 |
| 3. | Perancis | 61.6 | 61.6 |
| 4. | Jerman | 65 | 65 |
| 5. | Itali | 66.6 | 65.6 |
| 6. | United Kingdom | 65 | 63 |
| 7. | Amerika Syarikat | 66 | 66 |
| 8. | Australia | 65 | 65 |
| 9. | New Zealand | 65 | 65 |
| 10. | Iceland | 67 | 67 |

## Negara-Negara ASEAN

| BIL. | NEGARA | UMUR BERSARA WAJIB | |
|---|---|---|---|
| | | LELAKI | WANITA |
| 1. | Indonesia | 58 | 58 |
| 2. | Thailand | 60 | 60 |
| 3. | Singapura | 62-65 | 62-65 |
| 4. | Filipina | 60 | 60 |
| 5. | Vietnam | 60 | 55 |
| 6. | Myanmar | 60 | 60 |
| 7. | Kemboja | 55 | 55 |
| 8. | Laos | 60 | 60 |
| 9. | Brunei | 60 | 60 |

Sumber: *Pension at a Glance 2017, OECD and G20 Indicators*

# TIADA PEMBAYARAN PENCEN SELEPAS PERSARAAN 2021

02








4G
09:04
4G
Cari
Berita Palsu
BHONLINE
70% penjawat awam terima dengan baik cadangan kerajaan, pencen dihentikan
By Oleh Siti A'isyah Sukaimi dan Noor Atiqah Sulaiman
September 5, 2018 8:30 pm
7
3 Komen




BH ONLINE
SELAMAT HARI KEBANGSAAN
BERITA » Nasional
Rabu, 5 September 2018 | 8:30pm
Berita Asal
FOTO hiasan
Gaji minimum seragam RM1,050 berkuat kuasa tahun depan
Oleh Siti A'isyah Sukaimi dan Noor Atiqah Sulaiman
cnews@nstp.com.my
Share
Tweet
Share

03

**Betul ke ada pesara yang terima pencen penuh iaitu kadar pencen sama dengan gaji terakhirnya?**




Tidak benar.

Semua penjawat awam gred 1-KSN, formula perkiraan faedah persaraan adalah sama.




**Betul ke letak jawatan pun layak pencen?**

Jika letak jawatan atau dibuang kerja, **tiada sebarang faedah persaraan** diberikan. Perkhidmatan lepas hanya boleh diambilkira dan dicantumkan jika dilantik semula ke jawatan tetap selepas tahun 2012.

05

**Saya pernah membuat tuntutan ke atas kemudahan perubatan ke atas diri saya, pasangan, anak-anak dan ibu bapa saya semasa saya masih sedang berkhidmat. Adakah segala tuntutan perubatan atau perbelanjaan yang pernah dibuat oleh saya semasa sedang berkhidmat ini akan ditolak semasa perkiraan ganjaran persaraan saya semasa hendak bersara kelak?**

TIDAK. Tiada sebarang amaun daripada ganjaran persaraan ditolak ke atas segala tuntutan atau perbelanjaan yang pernah dituntut oleh penjawat awam semasa sedang berkhidmat.





# Kita ni boleh dapat satu je pencen, betul ke?

06

Tidak Benar. Ada 8 kategori skim pencen:

a) Penjawat awam
b) Hakim
c) Setiausaha Politik
d) Ahli Parlimen (ADR/ADN) atau Anggota Pentadbiran (Timb. Menteri/Menteri/TPM/PM)
e) ADUN/EXCO/MB/KM/Sultan/YDPA
f) Pemegang Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Pingat Gagah Berani (PGB) – Elaun Kenangan
g) Ahli Sukan (Skim Insentif Kemenangan Sukan - MSN)
h) Orang awam : Penerima pencen (terbitan/tanggungan/Ex-waris)

**Katanya ada skim yang boleh keluarkan duit ganjaran awal, sahih ke?**

Tidak Benar.

Faedah Persaraan termasuk bayaran Ganjara Perkhidmatan hanya akan dibayar apabila pegawai bersara.





"Sebaik bertemu di Kelana Jaya pada 7 Februari lalu, kami mula jatuh cinta
Ishak Unchit

# 'Melopong

■ *Pesara komando berputih mata ditipu gadis 'idaman'*

Amran Yahya
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

Seorang warga emas berusia 80 tahun kempunan untuk mendirikan rumahtangga dengan wanita pilihannya yang juga warga Indonesia apabila dia mendakwa diperdaya wanita itu menyebabkan kerugian RM3,000, baru-baru ini.

Ishak Unchit berkata, dia mengenali wanita berusia 37 tahun itu menerusi Facebook bulan lalu sebelum bertemunya di Kelana Jaya, Selangor.

Katanya, dia menjalinkan hubungan cinta dengan wanita terbabit selama 16 hari dan memutuskan untuk mengahwininya.

"Sejak kematian isteri pada Disember tahun lalu, saya bercadang mencari isteri baru. Sebaik bertemu di Kelana Jaya pada 7 Februari lalu, kami mula jatuh cinta," katanya.

Bekas komando tentera itu berkata, wanita itu sering mengadu masalah peribadi dan memberitahu suaminya

"Saya menghubunginya beberapa kali namun talian dimatikan"
Ishak Unchit

WANITA Indonesia yang dipercayai menghilangkan diri.

ISHAK menunjukkan laporan polis dibuatnya.






UTUSAN MALAYSIA • SELASA 29 DISEMBER 2015

# Pesara rugi RM100,000 ditipu sindiket gores dan menang

**KUALA LUMPUR 28 Dis.** – Seorang pesara kerajaan berputih mata apabila mengalami kerugian sebanyak RM100,000 dalam tempoh hanya empat jam akibat tertipu dengan sindiket gores dan menang, Rabu lalu.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai **Daud**, 79, berkata, menjadi rutin hariannya untuk bersarapan di pasar pagi dan pada hari kejadian, dia didatangi seorang lelaki yang membantunya membuka pintu kereta.

Katanya, selepas membantunya membuka pintu, lelaki tersebut menceritakan tentang peraduan gores dan menang serta menawarkan hadiah menarik seperti kereta dan jongkong emas tetapi perlu membayar sejumlah wang.

Bagaikan terpukau dengan kata-kata lelaki itu, dia pulang semula ke rumah di Selayang untuk mengambil buku Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan membawa isterinya bersama untuk mengeluarkan duit simpanan.

"Lelaki terbabit turut membawa seorang wanita yang didakwa isterinya mengikuti kami dan sewaktu di bank, lelaki berkenaan menyuruh saya memaklumkan kepada pihak bank bahawa duit itu mahu digunakan untuk mengubah suai rumah.

"Apabila duit dikeluarkan, mereka terus mengambilnya dan membawa kami ke sebuah pejabat di Kepong dan diberikan dua set katil elektrik sebagai cagaran akan memulangkan duit itu pada Isnin ini," katanya dalam sidang akhbar bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), di sini hari ini.

Dalam pada itu, Pengarah Unit Tindakan Khas PPIM, **Yusuf Azmi** berkata, pihaknya menerima kira-kira 150 aduan kes membabitkan jumlah kerugian sebanyak RM15 juta sepanjang empat bulan ini akibat sindiket gores dan menang.

Beliau berkata, pihaknya kesal kerana sehingga kini tiada tindakan tegas yang diambil untuk membanteras sindiket tersebut.

"Mereka dilihat semakin berani menipu dan mengikut mangsa sehingga ke rumah. Malah, mereka juga mengumpan mangsa dengan menawarkan kereta mewah seperti Toyota Camry dan barangan seperti tilam jed dan perkakas elektrik.

"Kita akan mengumpul segala aduan daripada mangsa dan membawa perkara ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia( SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan kerana isu ini dilihat berunsur jenayah," katanya.

**Mereka dilihat semakin berani menipu dan mengikut mangsa sehingga ke rumah."**

Yusuf Azmi
Pengarah Unit Tindakan Khas PPIM




**"Banyak duit pencen aku ni. Nak kene cari tempat untuk melabur ni…"**

**"pandai-pandai la aku *adjust* perbelanjaan aku dengan duit pencen nanti…"**



**"aku ada buat pinjaman perumahan pakai loan Kerajaan. Habis la duit ganjaran kene potong sebab nak selesaikan pinjaman perumahan…"**

Tidak Benar. Pesara mempunyai pilihan untuk membuat bayaran secara sekali gus atau bulanan






“Tak apa…nanti ada anak-anak boleh tolong jagakan..”

# MAKLUMAT PERHUBUNGAN

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
**BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN**
**ARAS 5, BLOK C2, KOMPLEKS C**
**62510 PUTRAJAYA**

**KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**
**JABATAN PERKHIDMATAN PERSARAAN,**
**ARAS 2, SKYTECH TOWER 2,**
**MKN EMBASSY TECHZONE,**
**JALAN TEKNOKRAT 2, CYBER 4,**
**63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

**No. Tel: 03-8887 8777 (Call Centre)**
**Email : mypesara@kwap.gov.my**

## PORTAL

## www.jpapencen.gov.my



## FACEBOOK

## Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)

# SEKIAN, TERIMA KASIH

# KEBOLEHALIHAN

